

26 JAN 1996

Anwar-Levi

KERAJAAN NEGERI DIARAH KAJI SEMULA KEPUTUSAN BERHUBUNG SOAL LEVI

PULAU PINANG, 26 Jan (Bernama) -- Kerajaan-kerajaan negeri yang mempunyai cadangan yang berlainan daripada keputusan yang dibuat oleh kerajaan pusat berhubung pengenaan levi terhadap warganegara asing yang membeli harta melebihi RM250,000 di negeri terbabit diarah mengkaji semula cadangan mereka itu.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika membuat arahan itu berkata, kelonggaran yang terlalu banyak tidak wajar diberi kepada warga asing demi menjaga kepentingan rakyat tempatan.

"Kerajaan negeri boleh memberi cadangan balas tetapi setakat ini, kita tertakluk kepada keputusan Majlis Tanah Negara dan Majlis Kewangan Negara yang telah bersetuju mengenai perkara itu," katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Penyertaan Bumiputera di sini hari ini.

Ketua Menteri Melaka, Datuk Mohd Zin Ghani sebelum ini dilaporkan berkata bahawa Melaka tidak akan mengenakan levi sebanyak RM100,000 terhadap warga asing yang membeli harta daripada pemaaju atau rakyat tempatan.

Menurutnya, levi yang dikenakan itu akan menjejaskan pertumbuhan sektor hartanah di negeri itu.

Anwar, ketika ditanya mengenai perkara itu, menjelaskan bahawa kelonggaran yang sewajarnya telah diberikan bagi kawasan tapak industri dan rekreasi, lagi pun pembayaran levi itu tidak menjadi masalah bagi mereka yang mampu membeli rumah melebihi RM300,000.

Anwar juga mengumumkan bahawa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah bersetuju melantik Pengerusi Majlis Perbandaran Pulau Pinang yang akan bersara Mac ini, Datuk Tan Ghim Hwa sebagai Pengerusi Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang yang baru.

Katanya, perlantikan itu akan berkuat kuasa sebaik sahaja perlantikan itu diperkenan oleh Yang di-Pertuan Agong.

Tan, yang juga Pengerusi Gerakan Negeri, akan menggantikan Datuk Zainol Abidin Salleh yang akan tamat kontraknya Mac ini.

Zainol, bekas Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan bekas Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang memegang jawatan itu sejak 1 Jan 1994.

Ketika ditanya mengenai dakwaan Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Tan Sri Rahim Thamby Chik bahawa ada pihak-pihak tertentu dalam media massa yang mempunyai agenda mereka sendiri untuk menentukan bentuk kepimpinan dalam parti itu, Anwar secara berseloroh, berkata:

"Bulan Ramadan ini kita tumpu banyak buat ibadat, banyak bersabar dan merendah diri dan berusaha untuk perbaiki diri, keluarga dan masyarakat. Saya tak mahu bahas...banyak soal-soal lain."

Ditanya lebih lanjut, Anwar berkata, Rahim mempunyai hak untuk memberi pandangan dan begitu juga pihak media selagi pendapat itu sihat dan "within limit" (dalam lingkungan hadnya). -- BERNAMA